



AKSI peserta
Bundu MTB
Race 2017.

Pensyarah FPP cemerlang

KOTA KINABALU: Dua pensyarah Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) cemerlang dalam kejohanan lumba basikal Bundu MTB Race 2017 yang berlangsung di Kuala Penyu,

► Bundu MTB Race 2017

baru-baru ini.

Pensyarah Program Sains Sukan, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin muncul johan dalam kategori veteran lelaki

apabila mencatatkan masa 1 jam 17 minit 26 saat bagi kayuhan sejauh 36 kilometer merentasi jalan raya, tepi laut dan laluan hutan yang

berbukit bukau.

Seorang lagi pensyarah Sains Sukan, Stephanie Chok turut mencatatkan pencapaian memberangsangkan dengan



AZIZAH (tengah) menyampaikan hadiah kepada Dr Nizam.

mengungguli tempat kedua bagi kategori Wanita Terbuka.

Kejohanan tersebut menyaksikan lebih 300 peserta termasuk dari Sarawak dan Negara Brunei Darussalam di dalam sembilan kategori yang dipertandingkan iaitu

Men Junior, Men Elite, Men Master A, Men Master B, Men Veteran, Men Otai, Women Junior, Women Open dan Fat Bike.

Johan bagi setiap kategori menerima hadiah wang tunai RM500 beserta pingat, manakala naib johan dan

tempat ketiga masing-masing mendapat wang tunai RM300 dan RM200.

Hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah Haji Mohd Dun.